

 A Singapore Government Agency Website

# NewspaperSG

 We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

## Sheik yakin cabaran lebih hebat di Chiangmai

Berita Minggu, 10 September 1995, Page 16


 Article also available on Microfilm Reel NL20474

[Printer-Friendly Page](#)

# Sheik yakin cabaran lebih hebat di Chiangmai

Dua juara menjadi harapan negara pungut pingat emas

SILAT



Oleh

Mohd Sani Ali

[^ Scroll to Top](#)

JUARA silat dunia, Sheik Alauddin Yacoob dan Mohamed Hidayat Hosni, menjadi harapan negara untuk memungut pingat emas di Sukan SEA Chiangmai yang akan berlangsung dari 9 hingga 17 Disember ini.

Sheik, pemenang pingat emas Kejohanan Silat Dunia di Haadyai, Disember lalu, disifatkan sebagai peserta paling cerah untuk mengekalkan pingat yang dimenangi di Singapura dua tahun lalu.

Bagaimanapun, Sheik kelihatan lebih berwaspada untuk menyatakan peluangnya di Chiangmai sambil berkata:

**“Sudah pasti semua peserta di sana berbekalkan keazaman untuk mengatasi setiap rintangan dalam merebut pingat emas.**

**“Biarpun saya sudah bersedia untuk mempertahankan pingat emas yang saya menangi di Singapura dua tahun lalu, namun saya juga perlu lebih bersikap hati-hati dan tidak harus dilambung keyakinan.”**

Menurut Sheik apa yang lebih menarik lagi di Chiangmai nanti, beliau bukan sahaja akan mempertahankan pingat emas dalam kategori Terbuka, malah beliau juga tampil sebagai juara dunia di Thailand kelak.

**“Ini bererti tugas yang sa-**

ya pikul adalah cukup men-cabar. Kerana setiap pihak tentunya ingin menjatuhkan juara dunia dan juara berta-han," sambung Sheik lagi.

"Saya tidak dapat menya-takan siapakah para pencabar yang perlu saya beri perhati-an di Sukan SEA nanti, kera-na bagi saya semua pencabar itu adalah sama, mereka ma-hu mengalahkan juara berta-han," kata Sheik.

Selain dari menjalani lati-han skuad nasional di gelang-gang Persatuan Rakyat empat kali seminggu, Sheik juga menjalani latihan fizikal dengan mengadakan latihan angkat berat.

**Sheik mengadakan latihan fizikal di gimnasium Bronx**

**Master Fitness Point, yang merupakan antara penajanya, di samping di tempat kerjanya di Kelab Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB) apabila ada kelapangan.**

Di samping itu, Sheik bersama Hidayat juga berhasil mengekalkan kedudukan masing-masing dalam Kejohanan Silat Nasional yang berakhir di Dewan Sukan Bedok pada hujung minggu lalu.

Selain daripada Sheik dan Hidayat, bekas pemenang pingat emas Sukan SEA, Badriah Hosni juga turut mengekalkan kejuaranya dalam Kelas B.

**Perguruan Silat Seligi**

**Tunggal Perwanit telah keluar sebagai juara Bahagian Seni bagi merebut Piala Ibrahim Othman, selepas menggondol lima emas, tapan perak dan tiga gangsa.**

**Al-Haq pula merebut Piala Mohd Maidin Packer Mohd, selepas memenangi enam emas, tiga perak dan tiga gangsa dalam acara Silat Olahraga.**

**Juara keseluruhan disandang oleh Silat Sendeng Pukulan, yang berhasil memenangi Piala Dr Haji Yacoob Mohamed dengan memungut sembilan pingat emas, lima perak dan tiga gangsa.**